

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 DISEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27

Dagangan Malaysia cecah RM238.17b

Eksport ke AS, EU dan Jepun terus meningkat, catat kenaikan dua digit

KUALA LUMPUR

Dagangan Malaysia terus mencatat prestasi yang memberangsangkan dan mengekalkan trajektori peningkatan pada November lalu dengan berkembang 15.6 peratus kepada RM238.17 billion berbanding November 2021.

Ia adalah pertumbuhan dua digit tahun ke tahun bagi 22 bulan berturut-turut.

Dalam kenyataannya pada Isnin, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkata, eksport naik 15.6 peratus kepada RM130.24 billion, manakala import dan lebihan dagangan meningkat 15.6 peratus masing-masing kepada RM107.93 billion serta RM22.3 billion.

"Pertumbuhan eksport disumbangkan terutamanya oleh eksport kukuh barang elektrik dan elektronik (E&E), gas asli cecair (LNG), keluaran petroleum serta petroleum mentah.

"Selain itu, eksport ke rakan dagang utama khasnya ASEAN, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun juga me-

rekodkan pertumbuhan dua digit," katanya.

Berbanding Oktober lalu, lebihan dagangan meningkat 23.5 peratus, manakala perdagangan, eksport dan import masing-masing berkurangan sebanyak 2.8 peratus, 1 peratus serta 4.9 peratus.

Menurut MITI, tempoh Januari hingga November lalu menyaksikan perdagangan berkembang sebanyak 29.9 peratus kepada RM2.613 trillion berbanding tempoh sama tahun lepas.


Eksport turut meningkat 27.2 peratus kepada RM1.42 trillion dan import naik 33.3 peratus kepada RM1.193 trillion, manakala lebihan dagangan menokok 2.6 peratus kepada RM227.89 billion.

"Perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan juga telah mencatat nilai tertinggi bagi tempoh ini," katanya.

Bagi November 2022, eksport barangan perkilangan yang merangkumi 84.6 peratus daripada jumlah eksport pula berkembang 15 peratus tahun ke tahun kepada RM110.23 billion, manakala pertumbuhan dua angka bagi bulan ke-16 berturut-turut.

Peningkatan tersebut disumbangkan oleh eksport kukuh barang elektrik dan elektronik (E&E), gas asli cecair (LNG), keluaran petroleum, dengan masing-masing telah mencatat kenaikan eksport melebihi RM1 billion.

Dalam pada itu, eksport hasil galian (meliputi bahagian sebanyak lapan peratus) melonjak



Bagi tempoh Januari hingga November lalu, jumlah perdagangan berkembang sebanyak 29.9 peratus kepada RM2.613 trillion berbanding tempoh sama tahun lepas.

62.6 peratus tahun ke tahun kepada RM10.43 billion. Ia pertumbuhan dua angka, ke-20 bulan berturut-turut disumbangkan oleh kenaikan eksport LNG dan petroleum mentah.

Menurut MITI, eksport ke luaran pertanian (sebanyak 6.8 peratus bahagian) susut 11.1 peratus kepada RM8.87 billion berbanding November 2021 berikutan perurusan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit.

Jelas MITI lagi, tempoh Januari hingga November lalu menyaksikan hampir kesemua barangan telah merekodkan pe-

ningkatan eksport.

Eksport barangan perkilangan berkembang 24.3 peratus kepada RM1.197 trillion berbanding tempoh sama tahun lalu yang disumbangkan oleh kenaikan eksport bagi barangan E&E, keluaran petroleum, jentera, kelempagan dan peralatan, kimia serta bahan kimia, selain barangan perkilangan berasaskan minyak sawit.

Pada November 2022, perdagangan dengan ASEAN menyumbang 26.6 peratus kepada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 11.6 peratus tahun ke tahun kepada RM63.46 billion.

"Eksport menokok 16.9 peratus kepada RM38.69 billion yang disumbangkan oleh kenaikan eksport bagi barangan E&E dan keluaran petroleum. Import dari ASEAN naik 4.1 peratus kepada RM24.77 billion," katanya.

Menurut MITI, eksport ke pasaran utama ASEAN yang mencatat pertumbuhan ialah Singapura iaitu sebanyak RM5.86 billion, disumbangkan oleh eksport kukuh bagi barangan E&E, manakala Thailand (RM1.06 billion), keluaran petroleum.

Dalam pada itu pada November lalu, perdagangan dengan China mencatat RM43.18 billion iaitu meningkat sebanyak 13.5 peratus, manakala eksport naik 9.2 peratus kepada RM18.85 billion dan import menokok 17.1 peratus kepada RM24.33 billion.

Bagi tempoh sama, perdagangan dengan AS pula meningkat 15.6 peratus tahun ke tahun kepada RM22.82 billion, manakala import dari negara maju tersebut bertambah 23 peratus kepada RM8.23 billion.

Perdagangan dengan EU berkembang 12 peratus tahun ke tahun kepada RM18.66 billion dengan eksport naik 16.3 peratus kepada RM10.5 billion, disokong eksport kukuh keluaran petroleum, kelempagan pengangkutan dan barangan E&E.

"Import dari EU berkembang 6.9 peratus kepada RM8.17 billion," kata MITI. -Bernama